

Kumpulan Antitol hanya pancing undi: PM

ALOR STAR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencabar Jawatankuasa Antitol yang ditubuhkan untuk menghasut rakyat supaya jangan membayar tol, mengambil alih Lebuh Raya Utara-Selatan dan mengadakan kemudahan itu secara percuma.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia menawarkan pengurusan lebuh raya berkenaan kepada jawatankuasa itu yang ditubuhkan oleh Datuk Haji Harun Idris dan Syed Hussein Ali, tetapi pihak berkenaan jangan mengutip tol.

"Memang mudah menubuhkan jawatankuasa itu dan membuat janji yang bukan dia hendak buat, tetapi suruh kerajaan buat.

"Malah apabila mereka menjadi kerajaan, bayaran tol itu mungkin dikenakan lebih tinggi," katanya ketika melancarkan perhimpunan 'Pesawah-LPN Turun ke Bendang' di Megat Dewa dekat sini.

Perdana Menteri berkata, jawatankuasa berkenaan membuat ancaman itu semata-mata untuk memancing undi.

Bercakap kepada pemberita pula, Perdana Menteri berkata, beliau menerima surat jawatankuasa itu yang meminta bayaran tol dihapuskan, ketika Kabinet bermesyuarat semalam.

"Saya tidak akan layan surat itu dan berjumpa dengan jawatankuasa berkenaan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan kerajaan mengenakan tol kerana pembinaan lebuhraya memerlukan perbelanjaan besar.

"Kerajaan boleh mengeluarkan perbelanjaan sedikit sebanyak, tetapi tidaklah semua," katanya.